



AYOB Khan pada sidang media di Bukit Aman, Kuala Lumpur, semalam.

metro (16/3/2022) MS/5

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jual semula lepas rampas

Rampas syabu cuba diseludup, kemudian jual semula untuk pasaran Indonesia.

Itu modus operandi sindiket pengedaran dadah didalangi seorang penjawat awam agensi penguat kuasa lapan lagi penjawat awam agensi sama dan seorang nelayan.

Bagaimanapun, kegiatan 10 lelaki berusia 33 hingga 49 tahun itu terbongkar selepas Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dengan kerjasama JSJN Johor melancarkan tiga serbuan di Johor dan Putrajaya pada 6 Mac hingga 8 Mac lalu membabitkan nilai rampasan dadah dan sitaan RM388,825.78.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, sindiket itu merampas 50 kilogram (kg) dadah disyaki

Penjawat awam agensi penguat kuasa ditahan seludup dadah dirampas ke pasaran Indonesia

syabu yang dipercayai mahu dihantar kepada pengedar di kawasan utara Semenanjung dalam satu operasi di perairan Selat Melaka.

Beliau berkata, sindiket itu kemudian menjalin kerjasama bersama sindiket bergerak aktif di Banting, Selangor untuk menyeludup dadah itu ke pasaran di Dumai, Indonesia.

"Hasil serbuan itu, polis merampas dadah syabu 5.37kg bernilai RM193,590 dan mereka didapati mula aktif sejak Februari lalu.

"Saringan awal mendapati empat penjawat awam itu positif dadah methamphetamine dan semua mereka tidak mempunyai rekod lampau," katanya.

Katanya, tindakan turut diambil mengikut Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthan Harta) 1988 dan polis menyita aset sindiket iaitu empat kenderaan Honda CRV, Honda HRV, Toyota Vios dan Perodua Aruz bernilai

RM190,000 serta akaun bank bernilai RM5325.78. Beliau berkata, nilai pa-

saran syabu di Indonesia agak mahal mencecah RM100,000 sekilogram menyebabkan ada sindiket cuba menyeludupnya ke sana.

"Suspek direman dua minggu bermula 7 Mac lalu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Penjawat awam yang ditahan itu terdiri pelbagai pangkat, ada pegawai dan sebagainya.

"Polis tidak akan berkompromi dengan mana-mana penjawat awam yang terlibat dalam pengedaran dadah dan siasatan diteruskan bagi mengesan saki-baki sindiket ini," katanya.

Nilai pasaran syabu di Indonesia cecah RM100,000 sekilogram